

# Hanya Abdullah, Dr. M dapat selesaikan kemelut mereka

KUALA LUMPUR 3 Sept. - Hanya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Dr. Mahathir Mohamad sahaja yang dapat menyelesaikan kemelut antara mereka, kata Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad hari ini.

Beliau yakin cuma melalui pendekatan itu sahaja dapat menjernihkan semula hubungan antara Perdana Menteri dan bekas Perdana Menteri itu yang dilihatnya masih berlarutan hingga kini.

Katanya, beliau sendiri tidak tahu apakah bentuk formula atau cara terbaik bagi menemukan kedua-dua pemimpin itu tetapi percaya ia tidak mustahil untuk dilakukan.

"Mungkin kedatangan bulan puasa ini akan menemukan mereka. Kalau ia benar-benar berlaku alhamdulillah tetapi jika ditanya cara mana siapa hendak jumpa siapa dan di mana, itu saya tidak tahu.

"Setakat ini saya hanya mampu berdoa setiap kali selepas menunaikan solat dengan harapan ia dimakbulkan oleh Allah. Saya yakin bukan saya sahaja yang berbuat demikian tetapi seluruh ahli UMNO turut melakukan perkara yang sama," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Bukit Bintang di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas konflik yang berlaku antara Dr. Mahathir dengan Abdullah yang sehingga kini masih lagi belum selesai.

Radzi berkata, beliau tidak boleh menggerakkan usaha untuk merealisasikan pertemuan itu kerana jawatan yang dipegangnya adalah lantikan daripada Presiden parti.

"Saya tidak boleh kerana saya Setiausaha Agung yang dilantik oleh Presiden. Saya tidak boleh menjadi orang tengah cuma apa yang saya mahukan UMNO terus stabil dan tidak tergugat," ujarnya.